



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrS. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 02 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Sistem aduan mangsa gangguan seksual dijangka beroperasi tahun depan</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117626/sistem-aduan-mangsa-gangguan-seksual-dijangka-beroperasi-tahun-depan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117626/sistem-aduan-mangsa-gangguan-seksual-dijangka-beroperasi-tahun-depan</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2324188">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2324188</a>  <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/01/e-filing-system-for-sexual-harassment-victims-to-start-operation-in-2025-says-noraini">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/01/e-filing-system-for-sexual-harassment-victims-to-start-operation-in-2025-says-noraini</a>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/efiling-system-sexual-harassment-victims-start-operartion-2025-noraini-481608">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/efiling-system-sexual-harassment-victims-start-operartion-2025-noraini-481608</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/713927">https://www.malaysiakini.com/news/713927</a>	Harian Metro  Bernama  The Star  Astro Awani  Malaysia Kini	Positif
2.	<b>Kanak-kanak perempuan dua tahun maut terjatuh dari tingkat 16</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678067/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-dua-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkat-16#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/678067/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-dua-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkat-16#google_vignette</a>	Sinar Harian	Neutral

	<p><a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/08/01/tragis-budak-2-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-16-tingkap-bilik-tidur-terbuka-tak-dipasang-jeriji">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/08/01/tragis-budak-2-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-16-tingkap-bilik-tidur-terbuka-tak-dipasang-jeriji</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/kanak-kanak-2-tahun-maut-jatuh-tingkat-16/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/kanak-kanak-2-tahun-maut-jatuh-tingkat-16/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/suami-isteri-ditahan-bantu-siasatan-kematian-kanak-kanak-perempuan">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/suami-isteri-ditahan-bantu-siasatan-kematian-kanak-kanak-perempuan</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117656/kanak-kanak-2-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-16-pangsapuri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117656/kanak-kanak-2-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-16-pangsapuri</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=mylWBPRo_V4">https://www.youtube.com/watch?v=mylWBPRo_V4</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/01/kanak-kanak-dua-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-16-pangsapuri">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/01/kanak-kanak-dua-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-16-pangsapuri</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/kanak-kanak-dua-tahun-maut-jatuh-tingkat-16-pangsapuri/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/kanak-kanak-dua-tahun-maut-jatuh-tingkat-16-pangsapuri/</a></p>	<p>Mstar</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Utusan</p>	
3.	<p><b>Budak 12 tahun dikhuatiri lemas dalam tasik</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117825/budak-12-tahun-dikhuatiri-lemas-dalam-tasik#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117825/budak-12-tahun-dikhuatiri-lemas-dalam-tasik#google_vignette</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
4.	<p><b>Pengutip besi rogol budak 10 tahun dalam hutan</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678104/berita/semasa/pengutip-besi-rogol-budak-10-tahun-dalam-hutan">https://www.sinarharian.com.my/article/678104/berita/semasa/pengutip-besi-rogol-budak-10-tahun-dalam-hutan</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=RrGs6b2PAcw">https://www.youtube.com/watch?v=RrGs6b2PAcw</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117765/rogol-kanak-kanak-10-tahun-lelaki-myanmar-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117765/rogol-kanak-kanak-10-tahun-lelaki-myanmar-ditahan</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

5.	<p><b>Wanita mengandung lapan bulan maut jatuh tingkat tiga hospital</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1279288/wanita-mengandung-lapan-bulan-maut-jatuh-tingkat-tiga-hospital">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1279288/wanita-mengandung-lapan-bulan-maut-jatuh-tingkat-tiga-hospital</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678127/berita/semasa/wanita-hamil-8-bulan-maut-terjatuh-dari-wad">https://www.sinarharian.com.my/article/678127/berita/semasa/wanita-hamil-8-bulan-maut-terjatuh-dari-wad</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/wanita-hamil-8-bulan-maut-jatuh-dari-tingkat-tiga-hospital/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/wanita-hamil-8-bulan-maut-jatuh-dari-tingkat-tiga-hospital/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesakit-mental-wanita-sarat-mengandung-maut-terjatuh-dari-bangunan-hospital-481658">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesakit-mental-wanita-sarat-mengandung-maut-terjatuh-dari-bangunan-hospital-481658</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/01/wanita-hamil-maut-terjatuh-tingkat-tiga-hospital/">https://malaysiagazette.com/2024/08/01/wanita-hamil-maut-terjatuh-tingkat-tiga-hospital/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
6.	<p><b>Wanita nyaris dibunuh suami, dicekik dan ditolak ke gaung</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/wanita-nyaris-dibunuh-suami-dicekik-dan-ditolak-ke-gaung/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/wanita-nyaris-dibunuh-suami-dicekik-dan-ditolak-ke-gaung/</a></p> <p><a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/08/01/wanita-berjaya-merangkak-naik-selepas-ditolak-suami-ke-dalam-gaung-suspek-ditahan-kerana-cubaan-bunuh">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/08/01/wanita-berjaya-merangkak-naik-selepas-ditolak-suami-ke-dalam-gaung-suspek-ditahan-kerana-cubaan-bunuh</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/01/wanita-ditolak-suami-ke-dalam-gaung-merangkak-selamatkan-diri/">https://malaysiagazette.com/2024/08/01/wanita-ditolak-suami-ke-dalam-gaung-merangkak-selamatkan-diri/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117769/wanita-ditolak-suami-ke-dalam-gaung-merangkak-selamatkan-diri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117769/wanita-ditolak-suami-ke-dalam-gaung-merangkak-selamatkan-diri</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/wanita-cedera-ditolak-suami-dalam-gaung-selepas-bertengkar/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/wanita-cedera-ditolak-suami-dalam-gaung-selepas-bertengkar/#google_vignette</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Mstar</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p>	Neutral

7.	<p><b>Duit wanita lesap RM160,000 ditipu doktor cinta</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/duit-wanita-lesap-rm160000-ditipu-doktor-cinta/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/duit-wanita-lesap-rm160000-ditipu-doktor-cinta/</a></p>	Kosmo	Neutral
8.	<p><b>Imigresen tahan sembilan wanita warga asing disyaki tawar perkhidmatan seks</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-tahan-semilan-wanita-warga-asing-disyaki-tawar-perkhidmatan-seks-481670">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-tahan-semilan-wanita-warga-asing-disyaki-tawar-perkhidmatan-seks-481670</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/imigresen-tahan-9-wanita-warga-asing-disyaki-tawar-perkhidmatan-seks/">https://www.buletintv3.my/nasional/imigresen-tahan-9-wanita-warga-asing-disyaki-tawar-perkhidmatan-seks/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
9.	<p><b>Ramai warga emas alami mental murung</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117672/ramai-warga-emas-alami-mental-murung">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117672/ramai-warga-emas-alami-mental-murung</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/127910/0/31-peratus-warga-emas-alami-kemurungan-nhms">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/127910/0/31-peratus-warga-emas-alami-kemurungan-nhms</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
10.	<p><b>OKU perlu diberikan peluang sumbang sektor ekonomi negara</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/01/oku-perlu-diberikan-peluang-sumbang-sektor-ekonomi-negara">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/01/oku-perlu-diberikan-peluang-sumbang-sektor-ekonomi-negara</a></p>	Utusan Borneo	Positif
11.	<p><b>Atlet OKU didakwa rogol remaja bawah umur</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/atlet-oku-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur-481614">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/atlet-oku-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur-481614</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678049/berita/semasa/atlet-oku-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur">https://www.sinarharian.com.my/article/678049/berita/semasa/atlet-oku-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117698/bekas-atlet-oku-tak-mengaku-rogol-remaja">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117698/bekas-atlet-oku-tak-mengaku-rogol-remaja</a></p> <p><a href="https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117660/atlet-oku-tak-mengaku-perkosa-remaja-15-tahun">https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1117660/atlet-oku-tak-mengaku-perkosa-remaja-15-tahun</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## SISTEM ADUAN MANGSA GANGGUAN SEKSUAL DIJANGKA BEROPERASI TAHUN DEPAN



NORAINI

pada Persidangan Dewan Negara sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Ke-15 di Bangunan Parlimen. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Sistem e-pemfailan mangsa gangguan seksual kepada Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) yang dibangunkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dijangka mula beroperasi tahun hadapan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, sistem itu akan memudahkan mangsa gangguan seksual di seluruh negara memfailkan aduan kepada TAGS secara dalam talian, mengambil kira kekangan geografi di Sabah dan Sarawak.

"Tribunal ini boleh bersidang pada bila-bila hari, masa dan tempat, sebagaimana ditentukan presiden (tribunal) dan Kementerian turut melantik ahli tribunal dari Sabah dan Sarawak. Sekiranya ada aduan di negeri-negeri di Pantai Timur, tribunal ini boleh bersidang di sana," katanya pada sesi soal jawab Dewan Negara, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Anna Bell yang ingin tahu pertimbangan kementerian untuk menubuhkan TAGS di Sabah dan Sarawak bagi memudahkan pendengaran kes-kes di dua negeri itu yang berhadapan dengan cabaran geografi.

Menjawab soalan Senator Datuk Dr Arman Azha Abu Hanifah yang ingin tahu statistik gangguan seksual dan kemerosotan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia, Noraini berkata, sehingga Julai 2024, sebanyak lima aduan gangguan seksual diterima TAGS sejak ia diwujudkan pada 8 Mac lalu.

"Statistik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes yang dilaporkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 292, 354, 377D, 507A dan 509 Kanun Keseksaan, iaitu merujuk kepada kes gangguan seksual adalah 1,483 kes pada 2021, 1,455 kes pada 2022, dan 1,621 kes pada 2023.

"Bagi kes gangguan seksual melibatkan lelaki dilaporkan dari 2019 hingga 2023 adalah 484 mangsa iaitu 6.3 peratus bagi keseluruhan kes bagi tahun yang sama," katanya.

## KANAK-KANAK PEREMPUAN DUA TAHUN MAUT TERJATUH DARI TINGKAT 16



rang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun maut dipercayai terjatuh dari tingkat 16 sebuah pangsapuri di Taman Daya di Johor Bahru, pada Selasa. Gambar kecil: Raub

**JOHOR BAHRU** - Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun maut dipercayai terjatuh dari tingkat 16 sebuah pangsapuri di Taman Daya di sini, pada Selasa.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, laporan mengenai kejadian diterima pada jam 9.16 malam.

"Hasil siasatan awal mendapati kejadian disedari oleh ahli keluarga mangsa yang juga suspek pada 8.50 malam.

"Suspek merupakan sepasang suami isteri warga tempatan berusia 56 tahun dan 78 tahun dan memiliki hubungan rapat dengan mangsa," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Menurut beliau, sebelum kejadian, mangsa bersama ahli keluarga baru selesai beriadah di kolam renang pangsapuri berkenaan.

"Selepas itu, mangsa dibawa balik ke rumah di tingkat 16, pangsapuri berkenaan oleh kedua-dua suspek sementara menunggu ibu mangsa bersama ahli keluarga lain yang ke pusat dobi terletak di aras tujuh pangsapuri berkenaan.

"Ketika berada di dalam rumah, kedua-dua suspek meninggalkan mangsa bersendirian di ruang tamu untuk menunaikan solat.

"Selepas selesai menunaikan solat kedua-dua suspek mendapati mangsa tiada di dalam rumah dan hasil pencarian, kedua-dua suspek mendapati mangsa terjatuh di aras lapan pangsapuri itu," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Raub berkata, siasatan mendapati mangsa dipercayai terjatuh dari aras 16 ke aras lapan pangsapuri itu menerusi tingkap bilik tidur yang terbuka serta tidak dipasang jeriji.

"Mangsa mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan maut di lokasi kejadian.

"Mayat mangsa dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru untuk dibedah siasat," katanya.

Jelas Raub, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 memandangkan terdapat unsur-unsur pengabaian ke atas mangsa.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kejadian ini boleh menghubungi terus di talian 07-2182323," katanya.



## BUDAK 12 TAHUN DIKHUATIRI LEMAS DALAM TASIK



Gombak: Seorang kanak-kanak lelaki dilaporkan lemas di tasik Kampung Permata Tasik Biru, Batu Arang, di sini, hari ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu jam 6.45 petang.

"Seramai 24 anggota termasuk daripada Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Shah Alam serta Pelabuhan Klang bersama lima jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Batu Arang, Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Tasik Puteri dan PBS Kuang dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba di lokasi, kami dimaklumkan terdapat seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun lemas di dalam tasik berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, operasi mencari dan menyelamat (Op SAR) sedang giat dijalankan bagi mengesan kanak-kanak berkenaan.

"Ketika ini, kerja-kerja mencari dan menyelamat dilakukan di permukaan menggunakan bot aluminium," katanya.

## **PENGUTIP BESI ROGOL BUDAK 10 TAHUN DALAM HUTAN**



Seorang lelaki warga Myanmar ditahan kerana disyaki merogol kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun di hutan di sini, pada Sabtu lalu. Gambar kecil: Mohd Azam. Gambar hiasan 123RF

AMPANG - Seorang lelaki warga Myanmar ditahan kerana disyaki merogol kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun di hutan di sini, pada Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, kejadian jam 8 malam itu berlaku semasa kanak-kanak warga Myanmar berkenaan pulang dari kelas tambahan.

Menurutnya, suspek telah membawa mangsa ke hutan dan merogolnya sebanyak empat kali.

"Susulan laporan daripada mangsa, kita menahan suspek berusia 35 tahun yang bekerja sebagai pengutip besi di Cheras Baru, pada Isnin," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mohd Azam berkata, hasil ujian air kencing terhadap suspek didapati negatif dadah dan semakan mendapati lelaki itu tidak mempunyai rekod jenayah.

"Siasatan mendapati suspek dan mangsa bercinta.

"Lelaki itu direman selama tujuh hari bermula Isnin hingga Ahad bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan," katanya.

## **WANITA MENGANDUNG LAPAN BULAN MAUT JATUH TINGKAT TIGA HOSPITAL**

LAHAD DATU: Seorang wanita mengandung lapan bulan maut selepas terjatuh dari tingkat tiga Hospital Lahad Datu, semalam.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail, berkata mangsa dihantar keluarganya ke Hospital Lahad Datu kerana bertindak agresif.

Mangsa berusia lingkungan 20-an kemudian dimasukkan ke wad untuk rawatan.

"Semalam ketika di wad, mangsa dikatakan cuba terjun dari

"Mangsa diberi rawatan dan tangan diikat disebabkan bertindak agresif," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dzulbaharin berkata, jam 6.30 petang semalam, ikatan tangan mangsa dibuka selepas diberi ubat penenang dan tidak menunjukkan tanda-tanda agresif.

Jam 7.20 malam hari sama, jururawat bertugas mendapati mangsa tiada di katil lalu membuat pemeriksaan dan menemukan mangsa terbaring di padang tingkat bawah hospital itu.

"Mangsa dikejarkan ke Unit Kecemasan dan Trauma untuk rawatan lanjut. Mangsa seterusnya melalui pembedahan untuk menyelamatkan bayi dalam kandungan yang berusia 33 minggu, namun bayi disahkan meninggal dunia dalam kandungan.

"Mangsa dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan disahkan meninggal dunia hari ini," katanya.

Katanya, tiada unsur jenayah ditemukan dan mayat mangsa dihantar ke Unit Forensik Hospital Lahad Datu untuk bedah siasat.

## **WANITA NYARIS DIBUNUH SUAMI, DICEKIK DAN DITOLAK KE GAUNG**

GERIK – Seorang wanita menempuh pengalaman menakutkan apabila nyaris maut di tangan suami sendiri selepas dicekik dan ditolak ke dalam gaung di Kilometer 31.2, Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) Gerik-Jeli di sini Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Gerik, Superintenden Zulkifli Mahmood berkata, kejadian bermula selepas wanita berusia 32 tahun itu dibawa suami berusia 39 tahun pada hari Jumaat sekitar pukul 5.30 petang ke Perak dari tempat kerja di Kuala Lumpur atas alasan mahu pulang ke kampung.

Katanya, sepanjang perjalanan, berlaku pertengkaran mulut antara mereka sebelum suspek memberhentikan kereta dan mengugut mahu membunuh mangsa menggunakan sebilah pisau.

“Semasa pertengkaran itu, mangsa merayu kepada suspek namun lelaki itu telah mencekik lehernya.

“Mangsa kemudian bertindak terjun dari kereta namun telah dimasukkan semula ke dalam kenderaan oleh suaminya sebelum lelaki itu memecut laju kereta sehingga tiba di Kilometer 31.2 JRTB Gerik-Jeli sekitar pukul 4 ke 5 pagi.


“Ketika di lokasi itu, berlaku lagi pertengkaran mulut antara mangsa dan suspek sebelum wanita itu ditarik keluar dan berlaku pergelutan, dengan mangsa ditolak sehingga jatuh masuk ke dalam gaung,” katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, mangsa yang cedera telah menyelamatkan diri dengan merangkak naik ke bahu jalan sebelum dijumpai orang awam sekitar pukul 2 petang.

Katanya, pemeriksaan awal oleh pegawai perubatan Hospital Gerik mendapati mangsa mengalami kesan calar dan luka selain lebam pada badan. Mangsa kini menerima rawatan di Hospital Taiping.

“Ekoran kejadian itu, usaha mengesan suspek dijalankan sebelum lelaki itu ditangkap oleh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Baling semalam kerana terlibat dalam kes jenayah di daerah itu. – KOSMO! ONLINE

## **DUIT WANITA LESAP RM160,000 DITIPU DOKTOR CINTA**



KUCHING – Lamunan cinta dengan seorang doktor di alam maya, membuatkan seorang wanita warga emas terjerat dengan sindiket ‘Love Scam’ sehingga mengakibatkannya lesap wang persaraan sebanyak RM160,000.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mancha Ata berkata, pada awal April lalu, mangsa berusia awal 70-an berasal dari Miri itu telah berkenalan dengan seorang lelaki dikenali sebagai Dr. Wang Muyang melalui aplikasi Line.

Katanya, mangsa kemudian berhubung dengan suspek dan telah dilamun cinta.

“Dr. Wang kononnya ingin mengirim barang kepada mangsa sebagai tanda perkenalan dan seminggu kemudian, mangsa dimaklum oleh pihak kastam terdapat parcel atas nama mangsa yang mengandungi barang terlarang iaitu wang tunai mata wang Amerika.

“Bagi melepaskan parcel dan menyelesaikan kes itu, mangsa telah diminta membuat pembayaran. Mangsa yang panik telah membuat pembayaran bermula dari hujung April sehingga hujung Julai lalu,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mancha berkata mangsa telah membuat sembilan transaksi wang secara berperingkat ke empat akaun bank yang berbeza berjumlah RM160,000.

“Mangsa memberitahu wang itu adalah simpanannya dan sedar ditipu setelah merujuk perkara tersebut kepada anaknya. Susulan itu, mangsa tampil membuat laporan polis pada 30 Julai lalu,” katanya. – KOSMO! ONLINE

## **IMIGRESEN TAHAN SEMBILAN WANITA WARGA ASING DISYAKI TAWAR PERKHIDMATAN SEKS**



*Kesemua wanita yang berumur antara 25 dan 37 tahun itu terdiri daripada warga Vietnam, Indonesia dan Thailand, manakala pekerja lelaki ditahan yang adalah warga India dan Bangladesh. - Facebook JIM Melaka*

MELAKA: Jabatan Imigresen Melaka menahan sembilan wanita warga asing yang disyaki menawarkan perkhidmatan seks dan dua lelaki penjaga premis dalam Op Gegar di tiga hotel bajet di sekitar Taman Melaka Raya kira-kira pukul 10.15 malam semalam.

Pengarahnya Anirwan Fauzee Mohd Aini berkata kesemua wanita yang berumur antara 25 dan 37 tahun itu terdiri daripada tiga warga Vietnam, Indonesia (tiga) dan Thailand (tiga), manakala pekerja lelaki ditahan yang adalah warga India dan Bangladesh, masing-masing berumur 29 dan 30 tahun.

"Semasa serbuan dilakukan hampir kesemua daripada mereka bertindak mengurungkan diri selain turut mematikan lampu dan penghawa dingin bagi mengelak dari dicekup pihak berkuasa, dan pintu hanya dapat dibuka oleh pihak pengurusan hotel dengan menggunakan kunci pendua.

"Pada serbuan itu 24 orang telah diperiksa termasuk tiga pelanggan warga tempatan dan asing yang sedang mendapatkan khidmat warga asing terbabit," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut Anirwan Fauzee berkata hasil risikan pihaknya juga mendapati mereka mengenakan bayaran sekitar RM250 hingga RM350 kepada pelanggan, dan boleh memilih pakej disediakan menerusi perkhidmatan yang ditawarkan menggunakan aplikasi WeChat.

"Enam saman kepada saksi dikeluarkan ke atas pengurus hotel dan pelanggan untuk hadir ke Pejabat Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Melaka bagi membantu siasatan lanjut," katanya.

## **RAMAI WARGA EMAS ALAMI MENTAL MURUNG**



**DR Dzulkefly (dua kanan) bertemu mata dengan penduduk Jeram Tekoh selepas merasmikan Kem Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga Emas, di Jeram Tekoh. FOTO Paya Linda Yahya**

Gua Musang: Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) bagi tahun 2023 menunjukkan 3.1 peratus warga emas berumur 60 tahun ke atas mengalami kemurungan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, golongan ini perlu diberi perhatian dan melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

"Apabila kita semakin tua, pelbagai komplikasi kesihatan mungkin timbul, mulai dari lemah hingga demensia yang boleh menjadi faktor risiko penurunan kesihatan mental seseorang.

"Oleh itu, kita perlu membantu warga emas yang ada di sekitar kita dengan mempromosikan kesihatan mental yang positif dan membawa mereka menjalani saringan secara berkala.

"Contohnya membawa mereka hadir ke kem kesihatan pada pagi ini (semalam) supaya mereka dapat menikmati usia tua dalam keadaan sihat sejahtera," katanya pada majlis perasmian Kem Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga Emas, di Jeram Tekoh, di sini, tadi.

Dalam perkembangan lain, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini giat mempromosikan kempen 'Memerangi Gula' dalam makanan.

Beliau menyeru orang ramai mengikuti saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang menyarankan pengambilan gula adalah kurang dari 10 peratus daripada jumlah keperluan kalori harian individu.

"Pengambilan gula yang berlebihan boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti peningkatan berat badan dan obesiti, diabetes, karies gigi dan risiko mendapat penyakit tidak berjangkit yang lain.

"Penggunaan susu pekat manis di dalam minuman juga sangat tidak disarankan, kerana ia bukan diperbuat daripada susu sebenar, tetapi hanya dijadikan sebagai bahan ganti yang mengandungi gula dan lemak yang tinggi.

"Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia yang bijak, marilah kita sama-sama amalkan di rumah, di kedai kopi dan di mana sahaja kita berada, '1 Sudu Teh Dah Cukup, Kurang Lebih Baik, Tiada TERBAIK'," katanya.

## **OKU PERLU DIBERIKAN PELUANG SUMBANG SEKTOR EKONOMI NEGARA**

KOTA KINABALU: Sebuah Dewan Perniagaan, Perindustrian dan Pertanian Orang Kurang Upaya Malaysia akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi mewujudkan lebih banyak ruang kepada OKU untuk menyumbang kepada sektor ekonomi negara.

Ahli Dewan Negara, Senator Isaiah D. Jacob berkata inisiatif menubuhkan dewan itu telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) dua minggu lepas.

Katanya, idea penubuhan dewan itu timbul memandangkan golongan OKU di negara ini selalu terlepas peluang untuk terlibat dalam projek ekonomi sama ada perniagaan, perindustrian mahupun pertanian.

“Dengan tertubuhnya dewan khusus untuk golongan OKU, mereka tidak perlu lagi menunggu tawaran pekerjaan daripada majikan.

“Jika seseorang OKU membuka perniagaan, dia boleh pula mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang yang senasib dengan mereka,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, bagi OKU yang berminat dalam bidang perindustrian atau pertanian, mereka bukan saja boleh meningkatkan pengeluaran produk tetapi turut menyumbang dalam pengawalan harga barangan.

Menyentuh isu kebajikan OKU, Isaiah turut berharap agar pertubuhan OKU yang terlalu banyak di negara ini dihimpun di bawah satu payung berbentuk majlis yang menaungi tujuh kategori OKU.

“Misalnya kita boleh wujudkan Majlis Kebangsaan OKU Fizikal yang menggabungkan semua OKU fizikal ke dalam satu pertubuhan.

“Begitu juga enam kategori OKU yang lain iaitu Kurang Upaya Pendengaran, Penglihatan, Pertuturan, Pembelajaran, Mental dan Kurang Upaya Pelbagai. Tujuh kategori ini pula bergabung di bawah satu Majlis OKU Kebangsaan,” katanya.

Terdahulu Pengerusi Program Eksplorasi Belia OKU @Langkawi, Suraya Saad berkata, program di Langkawi pada 2 hingga 5 Ogos itu akan disertai oleh 70 OKU daripada semua kategori.

“Mereka akan menyertai aktiviti lasak di pantai dan laut termasuk selam skuba dan keliling pulau. Selain itu, turut diberi peluang menjual produk kraf serta berinteraksi dengan masyarakat setempat,” katanya.



Program berkenaan dianjurkan oleh CMA Media dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Lembaga Pembangunan Langkawi.

## **ATLET OKU DIDAKWA ROGOL REMAJA BAWAH UMUR**

KUALA TERENGGANU: Seorang atlet Orang Kurang Upaya (OKU) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dakwaan merogol seorang remaja perempuan bawah umur, tahun lepas.

Ainur Haikal Danial Bahrudin, 24, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiquudin Zulkifli.

Atlet OKU negeri kategori penglihatan itu didakwa merogol mangsa yang ketika itu berumur 15 tahun di Taman Kemang Tiruk, Serada di sini pada 30 Sept 2023 mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Intan Nor Hilwani Mat Riffin menawarkan jaminan RM15,000 terhadap tertuduh namun peguam Najmi Adila Md Nasir daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) memohon jaminan rendah. Najmi Adila berkata anak guamnya menanggung bapanya yang bekerja sebagai pekerja pembersihan dengan pendapatan RM1,200 sebulan, manakala ibunya juga seorang OKU kategori lembam.

Hakim Mohd Zul Zakiquudin kemudian membenarkan jaminan RM7,000 selain mengarahkan tertuduh melapor diri ke balai polis terdekat setiap bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai. Mahkamah menetapkan 2 Sept depan untuk sebutan semula kes dan keluarga tertuduh kemudian membayar jaminan tersebut.